

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 5 TAHUN 2019

PENGURANGAN KE ATAS TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DI BAWAH
KAEDAH 16 DAN 17, KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 BAGI TAHUN
2019

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam Persidangan kali ke 11 tahun 2019 pada 21hb Mei 2019 telah menimbang dan bersetuju agar tunggakan ke atas denda cukai tanah yang dikenakan di bawah Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 diberi pengurangan sebanyak 70 % dari jumlah tunggakan denda tersebut.

2. Bayaran untuk permohonan pengurangan adalah dikenakan sebanyak RM10.00 ke atas setiap permohonan. Kelulusan ini adalah berkuatkuasa bermula 1hb Jun 2019 hingga 31hb Disember 2019.
3. Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta mengambil maklum dan melaksanakan keputusan di atas.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN